

# Eonmetall bakal beralih ke Papan Utama

Utusan 18/1/07

NIBONG TEBAL 12 Jan. - Para-pemegang saham pengeluar produk keluli, Kumpulan Eonmetall Bhd. (Eonmetall) hari ini meluluskan terbitan bonus berjumlah 63.25 juta saham biasa baru bernilai RM0.50 sesaham pada mesyuarat agung luar biasanya (EGM) di sini.

Dengan kelulusan terbitan bonus itu, modal berbayar sepenuhnya Eonmetall yang kini berjumlah lebih RM55 juta, dijangka meningkat kepada RM83 juta sekaligus membolehkannya beralih ke Papan Utama daripada Papan Kedua, Bursa Malaysia.

Syarat penyenaraian di Papan Utama, Bursa Malaysia memerlukan syarikat-syarikat yang disenaraikan mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM60 juta.

Pengarah Urusan Eonmetall, Datuk Goh Cheng Huat berkata, penyenaraian itu dapat dilakukan pada penghujung suku pertama tahun ini.

Beliau berkata demikian selepas

mempengerusikan mesyuarat agung luar biasa syarikat itu di Kawasan Perindustrian Vandor di sini hari ini.

Cheng Huat, dalam sidang akhbar kemudiannya, turut mengumumkan peningkatan jumlah eksport produk kelulunya ke luar negara kepada 65 peratus pada tahun lalu berbanding hanya 55 peratus pada tahun sebelumnya.

Jumlah itu katanya, dijangka akan terus meningkat dengan pembukaan sebuah lagi kilang baru di sini yang diramalkan mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran produknya kepada lebih 50 peratus.

Beliau berkata, Eonmetall kini mengeksport produknya ke 27 buah negara termasuk sekitar Amerika Utara, Afrika, Asia Barat dan Asia.

"Kami juga akan membina sebuah lagi kilang di atas tanah seluas kira-kira tiga hektar berhampiran kilang baru dan ia diharapkan menjana kapasiti pengeluaran produk," tambah beliau.